

86- Bab Sembahyang Itu Adalah Kaffarah (Penghapus Dosa).⁸⁷⁷

⁸⁷⁷ Beginilah tajuk bab ini di dalam kebanyakan nuskah Sahih Bukhari. Tetapi di dalam riwayat al-Mustamli tajuknya ialah باب تكفير الصلاة (Bab sembahyang menghapuskan dosa-dosa). Perkaitan bab ini dengan kelebihan sembahyang ketara sekali kerana ia dapat menghapuskan dosa seseorang. Inilah salah satu kelebihan sembahyang. Menurut sebilangan pensyarah Sahih Bukhari, perkaitan bab ini dengan kelebihan waktu-waktu sembahyang juga ketara, apabila diambil kira sembahyang yang menghapuskan dosa itu adalah sembahyang yang dikerjakan dalam waktunya, bukan di luar waktunya. Justeru sembahyang yang dilakukan seseorang dengan sengaja di luar waktu itu bukan sekadar tidak dapat menjadi penghapus dosa-dosanya, malah ia sebaliknya akan menambahkan dosa-dosanya. Secara sepintas lalu bab ini kelihatan sama dengan bab 88 nanti. Menerusi bab itu juga sembahyang yang menghapuskan dosa itu dikaitkan dengan waktunya. Kelihatan seperti perulangan tajuk yang menyalahi iltizam Imam Bukhari untuk Sahihnya telah berlaku di sini. Antara jawapan yang diberikan oleh para pensyarah Sahih Bukhari untuk merungkai kekusutan itu ialah: (1) Bab 86 ini menyatakan sembahyang secara mutlaq, tidak kira sama ada ia sembahyang lima waktu atau selainnya sebagai penghapus dosa. Bab 88 pula dibuat untuk menyatakan sembahyang lima waktu secara khususnya dapat menghapuskan dosa-dosa sama ada ia dikerjakan dengan berjema'ah atau tidak. (2) Bab 86 ini menyatakan bahawa pada dasarnya sembahyang itu memanglah dapat menghapuskan dosa-dosa. Tetapi manamana sembahyang yang terikat dengan waktu, ia baru akan menghapuskan dosa apabila dikerjakan dalam waktunya. Hakikat inilah yang hendak dikemukakan oleh Imam Bukhari melalui bab 88 nanti. Jawapan (2) ini menyerlahkan kelebihan sembahyang dan waktu-waktu sembahyang kedua-duanya sekali. (3) Dosa-dosa yang dihapuskan oleh sembahyang yang tidak terikat dengan waktu tidak sama tarafnya atau kuantitinya dengan dosa-dosa yang dihapuskan oleh sembahyang yang terikat dengan waktu. Sembahyang yang terikat dengan waktu mungkin dapat menghapuskan setengah-setengah dosa yang tidak dapat dihapuskan oleh sembahyang yang tidak terikat dengan waktu atau mungkin juga ia dapat menghapuskan dosa-dosa dalam jumlah yang lebih banyak. (4) Sembahyang apa pun, semuanya dapat menghapuskan dosa-dosa seseorang. Sembahyang apa pun mesti ada waktunya atau dengan kata lain terikat dengan waktu-waktu. Sekurang-kurangnya ia tidak boleh dikerjakan pada waktu-waktu terlarang seperti selepas 'Ashar, selepas Subuh dan lain-lain. Dengan itu dapatlah disimpulkan bahawa sembahyang yang dapat menjadi penghapus dosa itu ialah sembahyang yang tidak dikerjakan pada waktu-waktu terlarang. Ini secara tidak langsung mengisyaratkan kepada kelebihan sembahyang itu sendiri dan juga kelebihan waktu-waktu yang dapat dikerjakan sembahyang padanya. (5) Semua sembahyang dapat menghapuskan dosa, termasuk sembahyang yang dikerjakan di luar waktunya dengan tidak disengajakan. Tetapi kalau sembahyang yang terikat dengan waktu itu dikerjakan pada waktunya, terutamanya pada waktu utama atau waktu afdhalnya, lebih-lebih lagilah ia dapat menghapuskan dosa. Tentu sekalilah dosa-dosa yang dapat dihapuskannya itu bukan sekecil dosa-dosa yang dapat dihapuskan oleh sembahyang-sembahyang lain. Perkataan kaffarah dari segi asal bahasa 'Arabnya bererti sesuatu yang sangat kuat menutupi atau menghapuskan. Ia berpunca daripada perkataan كفر yang bererti menutup, menimbus atau menghapuskan. Untuk menghilangkan kesalahan atau kekotoran, sering kali kita menanggalkannya dengan sesuatu bahan pencuci, penanggal atau pemadam dan sebagainya. Sering kali juga ia ditutupi dengan sesuatu penutup atau ditimbus dengan tanah dan sebagainya. Kedua-dua erti itu terdapat di dalam

٤٩٤ - حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى عَنْ الْأَعْمَشِ قَالَ حَدَّثَنِي شَقِيقٌ قَالَ سَمِعْتُ حُذَيْفَةَ قَالَ كُنَّا جُلُوسًا عِنْدَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فَقَالَ أَيُّكُمْ يَحْفَظُ قَوْلَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْفِتْنَةِ قُلْتُ أَنَا كَمَا قَالَ قَالَ إِنَّكَ عَلَيْهِ أَوْ عَلَيْهِمَا لَجْرِيءٌ قُلْتُ فِتْنَةُ الرَّجُلِ فِي أَهْلِهِ وَمَالِهِ وَوَلَدِهِ وَجَارِهِ تُكْفِّرُهَا الصَّلَاةُ وَالصَّوْمُ وَالصَّدَقَةُ وَالْأَمْرُ وَالنَّهْيُ قَالَ لَيْسَ هَذَا أُرِيدُ وَلَكِنَّ الْفِتْنَةَ الَّتِي تَمُوجُ كَمَا يَمُوجُ الْبَحْرُ قَالَ لَيْسَ عَلَيْكَ مِنْهَا بَأْسٌ يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ إِنَّ بَيْنَكَ وَبَيْنَهَا بَابٌ مُغْلَقٌ قَالَ أَيُّكُمْ أَمْ يُفْتَحُ قَالَ يُكْسَرُ قَالَ إِذَا لَا يُغْلَقُ أَبَدًا قُلْنَا أَكَانَ عُمَرُ يَعْلَمُ الْبَابَ قَالَ نَعَمْ كَمَا أَنَّ دُونَ الْغَدِ اللَّيْلَةُ إِنِّي حَدَّثْتُهِ بِحَدِيثٍ لَيْسَ بِالْأَعْلَاطِ فَهَبْنَا أَنْ نَسْأَلَ حُذَيْفَةَ فَأَمَرَنَا مَسْرُوقًا فَسَأَلَهُ فَقَالَ الْبَابُ عُمَرُ

494- Musaddad meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya (bin Sa'id al-Qaththaan) meriwayatkan kepada kami daripada al-A'masy, katanya: Syaqiq (bin Salamah Abu Waa'il al-Asadi al-Kufi) meriwayatkan kepadaku, katanya: Saya mendengar Huzaifah bercerita, katanya: "Pernah kami duduk dekat 'Umar r.a., lalu beliau bertanya: "Siapakah di antara kamu ingat sabda Rasulullah s.a.w. tentang fitnah?"⁸⁷⁸ Aku menjawab: "Saya, (ingat) sebagaimana yang telah disabdakan oleh Baginda. 'Umar berkata: "Sesungguhnya engkau memang berani dengan Baginda".⁸⁷⁹ Aku berkata: "Fitnah (dosa kerana kecuaiannya) seseorang pada isterinya, hartanya, anaknya dan jirannya⁸⁸⁰ boleh dihapuskan

perkataan Kaffaarah. Dalam istilah syara' ia bererti sesuatu (amalan) yang menghapuskan dosa-dosa tertentu atau sesuatu yang merupakan penebus dosa tertentu yang dilakukan seseorang. Kaffaarah adalah sesuatu yang khusus dengan orang-orang Islam sahaja, ia tidak melibatkan orang-orang kafir sama sekali.

⁸⁷⁸ Perkataan فتنه mengandungi banyak erti. Antaranya ialah: (1) Dugaan, cubaan, ujian. (2) Fitnah. (3) Siksaan, azab. (4) Kesesatan. (5) Dosa. (6) Kekufuran. (7) Perkara yang mamalukan. (8) Penyakit. (9) Gila. (10) Usaha. (11) Kesusahan, kesukaran. (12) Pengajaran, i'tibar. (13) Harta, harta benda. (14) Anak-anak, anak pinak. (15) Kekacauan, kerusuhan. (16) Dosa kerana kecuaiannya. (17) Keadaan terpesona dan tergoda dengan sesuatu. (18) Pemesongan, penyelewengan. (19) Keraguan dan kekusutan fikiran dan lain-lain. Ma'na asalnya ialah cubaan, ujian dan dugaan. Ma'na ini boleh dikatakan pasti ada pada setiap erti-ertinya yang lain.

⁸⁷⁹ Ini adalah terjemahan kata-kata 'Umar إِنَّكَ عَلَيْهِ لَجْرِيءٌ. Di dalam riwayat di atas kata-kata 'Umar itu dinukilkan dengan syak begini: إِنَّكَ عَلَيْهِ أَوْ عَلَيْهِمَا لَجْرِيءٌ. Perawi yang syak tentang kata-kata 'Umar itu boleh jadi Huzaifah sendiri atau perawi-perawi lain di bawahnya. Kalau diandaikan 'Umar sebenarnya telah berkata: إِنَّكَ عَلَيْهِمَا لَجْرِيءٌ, maka dhamir ها seharusnya dikembalikan kepada perkataan فتنه atau مقالة الرسول في الفتنه. Maksudnya ialah engkau memang pun berani bertanya Rasulullah s.a.w. tentang fitnah.

⁸⁸⁰ Fitnah atau ujian yang dihadapi seseorang pada isterinya mungkin berupa kasih sayang yang berlebihan terhadapnya, terlalu leka dengannya sehingga terlupa melakukan kebaikan dan kebajikan terhadap orang-orang lain, kecuaiannya dalam melaksanakan tanggungjawab mendidik, mengajar dan memberikan hak-hak mereka yang lain. Kata Ibnu Batthaal, ia mungkin juga berupa kekasaran dalam ucapan dan tindakan terhadapnya, tetapi tidaklah sampai ke peringkat dosa besar. Al-Muhallab pula berpendapat, ia mungkin berupa penderitaan dan kesedihan yang ditanggung seseorang bersama isterinya. Fitnah atau ujian terhadap seseorang pada hartanya ialah mungkin berkait dengan punca pencariannya atau tempat membelanjakannya. Mungkin juga

(dikaffarahkan) oleh sembahyang, puasa, sedekah, menyuruh (orang melakukan) perkara yang baik dan melarang (mereka) daripada melakukan kemungkaran (perkara yang tidak baik).”⁸⁸¹ ‘Umar berkata: “Bukan (fitnah) ini yang aku maksudkan, tetapi fitnah

kerana kecuaiannya dalam melaksanakan hak-hak orang lain pada hartanya itu, lalu panjanglah perhitungannya di akhirat nanti. Fitnah atau ujian Allah terhadap seseorang pada anaknya mungkin dengan terlajak menyayangnya, leka dengannya sehingga tidak sempat melakukan kerja-kerja kebaikan yang lain, terlalu sibuk mencari rezeki untuk kesenangan dan kemewahan anaknya, tanpa mengambil kira halal haram lagi. Fitnah atau ujian terhadap seseorang pada jirannya pula mungkin kerana tidak sabar menghadapinya atau timbul rasa dengki terhadapnya jika ia seorang yang senang. Mungkin juga kerana kecuaiannya dalam menjaga hak-haknya. Menurut Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi, fitnah atau ujian terhadap seseorang pada isteri, anak, harta dan jiran itu tidak harus dikategorikan semuanya sebagai dosa kecil yang dapat dihapuskan oleh sembahyang, puasa, sedekah, haji dan lain-lain. Sebahagian daripadanya jelas merupakan dosa besar, kerana ia melibatkan hak-hak mereka yang wajib ditunaikan. Ibnu Taimiyyah malah mengatakan, orang yang percaya bahawa ibadat haji dapat menggugurkan kewajipan bersembahyang, berzakat dan hak-hak orang yang ditanggungnya, perlu diminta bertaubat. Orang seperti ini harus dihukum bunuh sekiranya ia tidak mahu bertaubat. Sebahagian daripada yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai fitnah di dalam hadits ini di sebutkan juga oleh Allah di dalam al-Qur’an sebagai fitnah, sama ada secara tepat atau secara umum. Maka bertambah kuatlah hadits ini dengan adanya sokongan berupa ayat-ayat al-Qur’an. Antaranya ialah ayat-ayat berikut:

(1)

إِنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَاللَّهُ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٥﴾

Bermaksud: Sesungguhnya harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan di sisi Allah jualah pahala yang besar. (At-Taghaabun:15).

(2)

وَجَعَلْنَا بَعْضَكُمْ لِبَعْضٍ فِتْنَةً أَتَصْبِرُونَ ۚ وَكَانَ رَبُّكَ بَصِيرًا ﴿٢٠﴾

Bermaksud: dan Kami jadikan sebahagian dari kamu sebagai ujian dan cubaan bagi sebahagian yang lain, supaya ternyata; Adakah kamu dapat bersabar (menghadapi ujian itu)? dan (ingatlah) sesungguhnya Tuhanmu sentiasa melihat (akan keadaan makhluk-makhlukNya). (al-Furqaan: 20).

⁸⁸¹ Sembahyang dan lain-lain perkara yang tersebut selepasnya di dalam hadits di atas dapat menghapuskan fitnah atau dosa kerana kecuaiannya seseorang terhadap isteri, harta, anak dan jirannya. Kebanyakan ‘ulama’ mengatakan, semua perkara yang tersebut itu hanya dapat menghapuskan dosa-dosa kecil sahaja dengan syarat dosa-dosa besar di jauhi. Dengan itu dapatlah disimpulkan bahawa fitnah atau ujian terhadap seseorang pada isteri, harta, anak dan jirannya pada umumnya merupakan dosa-dosa kecil. Antara dalil yang menunjukkan kebenaran syarat ini ialah firman Allah dan sabda Rasulullah s.a.w. di bawah ini:

إِنْ تَجْتَنِبُوا كَبَائِرَ مَا تُهَوَّنُ عَنْهُ تُكْفِّرْ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَنُدْخِلَكُمْ مُدْخَلًا كَرِيمًا ﴿٣١﴾

Bermaksud: jika kamu menjauhi dosa-dosa besar yang dilarang kamu melakukannya, Kami akan hapuskan kesalahan-kesalahan (dosa-dosa kecil) kamu dan Kami akan masukkan kamu ke tempat yang mulia (syurga). (an-Nisaa’:31).

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقُولُ الصَّلَاةُ الْخَمْسُ وَالْجُمُعَةُ إِلَى الْجُمُعَةِ وَرَمَضَانُ إِلَى رَمَضَانَ مُكَفِّرَاتٌ مَا بَيْنَهُنَّ إِذَا اجْتَنَبْتَ الْكَبَائِرَ Bermaksud: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sembahyang (fardhu) lima waktu, sembahyang Juma’at hingga ke Jum’at berikutnya, berpuasa di bulan Ramadhan hingga ke bulan Ramadhan berikutnya menghapuskan dosa-dosa (yang dilakukan) di antaranya, jika dosa-dosa

(Kerana) Sesungguhnya di antaramu dan fitnah itu ada sebuah pintu yang tertutup.”⁸⁸³

‘Umar bertanya: “Adakah ia akan dipecahkan atau dibuka?” (Kata perawi) Jawab

diriwayatkan juga oleh al-Haitsami di dalam Zawaa'id Musnad al-Haritsnya dan Abu Nu'aim di dalam Ma'rifatu as-Shahabahnya). Fitnah besar pula bagi beliau ialah yang bergelora dan bergelombang bertalu-talu bagaikan ombak laut. Fitnah besar ini menurut Ibnu Rajab, bermula dengan pembunuhan Sayyidina 'Utsman bin 'Affaan r.a. yang disusuli dengan perpecahan ummat Islam dan pertumpahan darah di kalangan sesama mereka.

⁸⁸³ Maksud sebuah pintu yang tertutup yang disebutkan oleh Huzaifah di dalam hadits ini ialah kewujudan Saiyyidina 'Umar itu sendiri. Bukan Huzaifah sahaja yang berpendapat 'Umar adalah pintu yang menyekat gelombang fitnah yang akan melanda ummat selepasnya, sahabat-sahabat lain juga berpendapat begitu. Rupa-rupanya Rasulullah s.a.w. telah pun mendedahkan rahsia ini kepada sebahagian mereka. Sebagai contohnya lihatlah hadits-hadits berikut ini. Walaupun ia sedikit sebanyak berbeda dengan hadits Huzaifah di atas dan pada umumnya dapat dikatakan ia merupakan hadits-hadits yang dha'if, namun ia tetap boleh dikemukakan sebagai mutaba'at atau syawaahid kepada hadits Huzaifah yang sahih ini. (1) At-Thabaraani meriwayatkan, kata beliau: حدثنا أحمد بن عمرو القطراني قال حدثنا أبو الربيع الزهراني قال حدثنا محمد بن خازم أبو معاوية قال حدثنا السري بن يحيى عن المعلى بن زياد عن الحسن عن أبي ذر : أنه لقي عمر بن الخطاب فأخذ بيده فغمزها وكان عمر رجلاً شديداً فقال أرسل يدي يا قفل الفتنة فقال عمر وما قفل الفتنة قال جئت رسول الله ذات يوم ورسول الله جالس وقد اجتمع عليه الناس فجلست في آخرهم فقال رسول الله لا تصيبكم Bermaksud: “Abu Zarr menceritakan, kata beliau: “Pernah aku menemui 'Umar bin al-Khatthaab. Dia memegang tanganku dan meremasnya dengan kuat. 'Umar adalah seorang yang gagah. Abu Zarr berkata: “Lepaskanlah tanganku wahai ibu kunci fitnah.” 'Umar terus bertanya: “Apa itu ibu kunci fitnah?” Kata Abu Zarr: “Pada suatu hari aku mengunjungi Rasulullah. Ketika itu Rasulullah sedang duduk. Orang ramai telah pun berkumpul di hadapan Baginda. Lalu aku duduk di belakang mereka. Maka Rasulullah bersabda: “Fitnah tidak akan menimpa kamu selagi dia ini ('Umar) ada di kalanganmu.” (Hadits riwayat at-Thabaraani di dalam Mu'jam al-Ausathnya. Kata Hafiz Ibnu Hajar: “Perawi-perawinya semuanya tsiqah.” Al-Haitsami pula berkata: “Perawi-perawinya adalah perawi-perawi kitab sahih رجاله (ثقة ثبت) selain as-Sari bin Yahya. Bagaimanapun dia juga seorang yang tsiqah dan kemas (ثقة ثبت). Menurut keyakinan saya Hasan Bashri tidak sempat mendengar apa-apa daripada Abu Zarr.” (2) At-Thabaraani juga meriwayatkan, kata beliau: حدثنا موسى بن هارون ثنا محمد بن بكر ثنا يحيى بن المتوكل ثنا حفص بن عثمان بن عبيد الله بن عبد الله بن عمر بن الخطاب عن قدامة بن موسى بن مظعون [عن أبيه موسى بن قدامة بن مظعون عن جده قدامة بن مظعون] أن عمر بن الخطاب رضي الله عنه أدرك عثمان بن مظعون وهو على راحلته و عثمان على راحلته على ثنية الأثنية من العرج فضغطت راحلته راحلة عثمان وقد مضت راحلة رسول الله صلى الله عليه وسلم أمام الركب فقال عثمان بن مظعون أوجعتني يا غلق الفتنة فلما استهلت الرواحل دنا منه عمر بن الخطاب رضي الله عنه فقال يغفر الله أبا السائب ما هذا الاسم الذي سميتني به فقال لا والله ما أنا الذي سميتك سماكه رسول الله صلى الله عليه وسلم هذا هو أمام الركب يقدم القوم مررت بنا يوماً ونحن جلوس مع رسول الله صلى الله عليه وسلم فقال هذا غلق الفتنة وأشار بيده لا يزال بينكم وبين الفتنة باب شديد الغلق ما عاش هذا بين ظهرانيكم Bermaksud: Qudaamah bin Madz'un meriwayatkan, kata beliau: “'Umar bin al-Khatthaab r.a. telah sempat bertemu dengan 'Utsman bin Madz'un di atas anak bukit Atsayah di 'Arj, dalam keadaan kedua mereka berada di atas kenderaan masing-masing. Tiba-tiba kenderaan (unta) 'Umar merempuh kenderaan (unta) 'Utsman. Rasulullah s.a.w. pada ketika itu telah jauh berada di hadapan. 'Utsman pun berkata: “Enkau telah membuatkan aku sakit wahai penyelak pintu fitnah! Setelah kenderaan-kenderaan (unta-unta) masing-masing sampai ke tanah rata, 'Umar pergi dekat 'Utsman sambil berkata kepadanya: “Semoga Allah mengampunimu wahai Aba as-Saa'ib, nama (gelaran) apa telah kau berikan kepadaku tadi? Kata 'Utsman: “Bukan! Demi Allah bukan aku yang menamakan (menggelar) engkau begitu. Tetapi Rasulullah s.a.w. yang telah jauh berada di hadapan kita sekarang, dialah yang menamakan (menggelar) engkau begitu. Pernah pada suatu hari ketika kami sedang duduk-duduk bersama Rasulullah s.a.w., engkau tiba-tiba lalu di hadapan kami. Ketika itulah Baginda bersabda: “Dia ini adalah penyelak pintu fitnah. Sambil

Huzaifah: "Ia akan dipecahkan." (Maka) 'Umar berkata: "Kalau begitu ia tidak akan dapat ditutup selama-lamanya."⁸⁸⁴ (Kata perawi) Kami (pun) bertanya (Huzaifah):

mengisyaratkan (kepadamu). Pintu yang terkunci rapi akan terus ada di antara kamu dan fitnah selagi dia hidup (berada) di kalanganmu." (Hadits riwayat at-Thabaraani di dalam Mu'jam Kabirnya, al-Bazaar di dalam Musnadnya dan Abu Nu'aim di dalam Ma'rifatu as-Sahabahnya. Hadits ini dha'if kerana terdapat di dalam isnadnya beberapa orang perawi majhul dan Yahya bin al-Mutawakkil, seorang perawi yang dha'if). (3) Imam Ahmad meriwayatkan, kata beliau: حَدَّثَنَا عَفَّانٌ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو عَوَانَةَ عَنْ عَاصِمٍ عَنْ أَبِي وَائِلٍ عَنْ عَزْرَةَ بْنِ قَبِيصٍ عَنْ خَالِدِ بْنِ الْوَلِيدِ قَالَ كَتَبَ إِلَيَّ أَمِيرُ الْمُؤْمِنِينَ حِينَ أَلْقَى الشَّامَ بَوَانِيَةَ بَنِيَّةٍ وَعَسَلًا وَشَكَّ عَفَّانُ مَرَّةً قَالَ حِينَ أَلْقَى الشَّامَ كَذَا وَكَذَا فَأَمَرَنِي أَنْ أَسِيرَ إِلَى الْهِنْدِ وَالْهِنْدُ فِي أَنْفُسِنَا يَوْمَئِذٍ الْبَصْرَةُ قَالَ وَأَنَا لَذَلِكَ كَارَهُ قَالَ فَقَامَ رَجُلٌ فَقَالَ لِي يَا أَبَا سُلَيْمَانَ إِنَّ اللَّهَ فَإِنَّ الْفِتْنَ قَدْ ظَهَرَتْ قَالَ فَقَالَ وَابْنُ الْخَطَّابِ حَيٌّ إِنَّمَا تَكُونُ بَعْدَهُ وَالنَّاسُ بِذِي بَلْيَانَ وَذِي بَلْيَانَ بِمَكَانٍ كَذَا وَكَذَا فَيَنْظُرُ الرَّجُلُ فَيَتَفَكَّرُ هَلْ يَجِدُ مَكَانًا لَمْ يَنْزِلْ بِهِ مِثْلُ مَا نَزَلَ بِمَكَائِهِ الَّذِي هُوَ فِيهِ مِنَ الْفِتْنَةِ وَالشَّرِّ فَلَا يَجِدُهُ قَالَ وَتِلْكَ الْأَيَّامُ الَّتِي نَكَرَ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ يَدَيْ السَّاعَةِ أَيَّامُ الْهَرَجِ فَتَعُوذُ بِاللَّهِ أَنْ تُدْرِكَنَا وَإِيَّاكُمْ تِلْكَ الْأَيَّامُ Bermaksud: Kata Khalid bin al-Walid: "Amirul Mu'minin ('Umar) mengutuskan surat kepadaku ketika aku mendapati Syam telah pun tunduk (dan jatuh ke tangan tentera-tentera Islam). Ia telah menjadi (seperti) mentega dan madu. Pernah sekali 'Affaan syak, katanya: "ketika aku mendapati Syam begini-begini." Beliau ('Umar) memerintahkan aku supaya berangkat ke Hind (India). Dalam kefahaman kami Hind (India) pada masa itu ialah Bashrah. Kata Khalid: "Aku pula tidak suka ke sana. Tiba-tiba bangkit seorang lelaki, lalu dia berkata kepadaku: "Wahai Aba Sulaiman, bertaqwalah kamu kepada Allah! Kerana fitnah-fitnah telah pun nyata." Khalid terus berkata kepadanya: "Ketika Ibnu al-Khath'ab ('Umar) masih hidup? Tidak, fitnah-fitnah itu akan muncul hanya selepasnya. Ketika manusia pergi ke serata tempat, namun mereka tidak juga menjumpai satu pun tempat yang tidak ditimpa fitnah dan bencana seperti di tempat asalnya. Itulah hari-hari yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w. sebelum berlaku kiamat. Hari-hari yang penuh dengan pembunuhan dan peperangan. Kita berlindung kepada Allah agar kita semua tidak sempat dengan hari-hari itu." (Hadits riwayat Ahmad di dalam Musnadnya, at-Thabaraani di dalam Mu'jam Kabir dan Ausathnya, Ibnu 'Asaakir di dalam Tarikh Dimasyqnya dan Nu'aim bin Hammaad di dalam Kitab Fitannya. Hadits ini juga dha'if. 'Azrah bin Qais adalah seorang perawi yang dha'if. Selain Ibnu Hibbaan tidak ada tokoh Rijal yang mengatakan dia tsiqah. Adapun perawi-perawi lain selain 'Azrah, semuanya tsiqah). Bagaimanapun zahir kata-kata Huzaifah ini tidak menunjukkan 'Umar itu sendiri adalah pintu. Kerana Huzaifah berkata kepada 'Umar: "Sesungguhnya di antaramu dan fitnah itu ada sebuah pintu yang tertutup". Kata-kata Huzaifah di akhir hadits di atas, bahawa pintu (yang dimaksudkan) itu adalah 'Umar, jelas menunjukkan 'Umarlah pintu itu. Keterangan Huzaifah pada dua tempat di dalam hadits ini kelihatan bertentangan. Kerananya al-Kirmaani, Hafiz Ibnu Hajar, al-'Aini dan lain-lain pensyarah Sahih Bukhari mentaqdirkan kata-kata Huzaifah yang pertama iaitu: إِنَّ بَيْنَكَ وَبَيْنَهَا بَابًا مَغْلَقًا (Sesungguhnya di antaramu dan fitnah itu ada sebuah pintu yang tertutup), dengan kata mereka: أَيُّ بَيْنَ زَمَانِكَ وَبَيْنَ زَمَانِ الْفِتْنَةِ وَجُودَ حَيَاتِكَ (Maksudnya ialah sesungguhnya di antara zamanmu dan zaman fitnah itu ada kehidupanmu). Ertinya ialah kewujudan 'Umar sendiri seolah-olahnya menjadi penghalang kepada kemunculan fitnah-fitnah yang berlaku selepas kematian beliau.

⁸⁸⁴ Maksud "ia akan dipecahkan" ialah ia akan dicerooh dan dirosakkan. Kalau pintu itu dibuka secara biasa, tentulah ia dapat ditutup kembali. Tetapi kalau ia dicerooh dan dipecahkan, sudah tentulah ia tidak dapat ditutup lagi kerana telah rosak. Hadits Huzaifah ini jelas mengisyaratkan kepada kesyahidan 'Umar. Huzaifah sememangnya telah mengetahui menerusi hadits ini bahawa 'Umar akan dibunuh orang nanti. Sebabnya beliau tidak berterus terang dalam perkara ini ialah kerana beliau yakin 'Umar juga telah mengetahui tentangnya. Selain itu, menggunakan bahasa kiasan saja dalam perkara seperti ini pada pandangan Huzaifah, sudah memadai dan lebih beradab. Bagaimana Huzaifah yakin pintu itu adalah 'Umar? Jawabnya ialah kerana hadits yang diterimanya daripada Rasulullah s.a.w. ini. Bagaimana pula 'Umar mengetahui bahawa dialah

“Adakah ‘Umar tahu (siapa yang dimaksudkan dengan) pintu itu?” Jawab Huzaifah: “Ya, Sebagaimana sebelum tiba hari esok pasti ada malam ini. Sesungguhnya aku telah menceritakan kepadanya sebuah hadits yang bukan merupakan teka-teki (malah ia benar dan tepat sekali). (Kata Syaqiq) Oleh kerana Kami takut (gerun) bertanya Huzaifah, kami suruh Masruq (bertanya beliau). Setelah ditanya Masruq (bin al-Ajda’), Huzaifah berkata: “Pintu (yang dimaksudkan) itu adalah ‘Umar.”⁸⁸⁵

yang dimaksudkan dengan pintu yang akan dipecahkan itu atau dengan kata lain dia akan mati syahid? Jawab Ibnu Batthaal kerana adanya hadits Rasulullah s.a.w., di mana pernah pada suatu ketika Rasulullah s.a.w. Abu Bakar, ‘Umar dan ‘Utsman berada di atas bukit Uhud, tiba-tiba bukit itu bergoncang. Maka Nabi s.a.w. bersabda kepadanya: *اَثْبَثْ اُحْدُ فَإِنَّمَا عَلَيْكَ نَبِيٌّ وَصِدِّيقٌ وَشَهِيدَانِ* (Diamlah Uhud! Di atasmu sekarang tidak ada orang lain selain seorang nabi, seorang Shiddiq dan dua orang syahid). (Hadits riwayat al-Bukhari, Abu Daud, at-Tirmizi, Ahmad, ‘Abd bin Humaid, Abu Ya’la, Ibnu Hibbaan, at-Tabaraani, an-Nasaa’i, adh-Dhiyaa’ al-Maqdisi dan lain-lain). Pintu yang akan dipecahkan adalah kiasan kepada pembunuhan atau kematian tidak dengan cara biasa. Pintu yang akan dibuka adalah kiasan kepada kematian secara biasa. Sementara pintu yang terkunci rapat pula adalah kiasan kepada kewujudan Saiyyidina ‘Umar. Kewujudan beliaulah yang menghalang fitnah melanda ummat.

⁸⁸⁵ Selain di sini Imam Bukhari telah mengemukakan hadits ini pada empat tempat yang lain. **Pertamanya** di bawah Kitab az-Zakat. **Keduanya** di bawah Kitab as-Shaum. **Ketiganya** di bawah kitab al-Fitan dan **keempatnya** di bawah Bab ‘Alamaat an-Nubuwwah fi al-Islam. Imam Muslim, Tirmizi, Ahmad, Ibnu Majah, al-Bazzaar, at-Tabaraani, Ibnu Abi Syaibah dan lain-lain juga turut meriwayatkan hadits ini di dalam kitab mereka masing-masing. **Antara pengajaran dan panduan** yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Sembahyang secara mutlaq, tidak kira sama ada fardhu atau sunat, dikerjakan bersendirian atau dengan berjema’ah, di masjid atau di rumah, merupakan Kaffaarah (penghapus dosa). (2) Selain sembahyang, puasa dan lain-lain amalan kebajikan juga dapat menghapuskan dosa seseorang. (3) Dosa-dosa yang dihapuskan oleh sembahyang, puasa, sedekah, menyuruh (orang melakukan) perkara yang baik dan melarang (mereka) daripada melakukan kemungkaran (perkara yang tidak baik) adalah dosa-dosa kecil. (4) Berdasarkan keterangan al-Qur’an, dosa-dosa kecil itu dapat dihilangkan oleh sembahyang dan lain-lain dengan syarat dosa-dosa besar dijaui. (5) Menurut Hafiz Ibnu Rajab, berdasarkan hadits ini fitnah itu dapat dibahagikan kepada dua bahagian. (a) Fitnah Khassshah, iaitu fitnah yang menimpa seseorang secara peribadi atau fitnah kecil. (b) Fitnah ‘Aammah, iaitu fitnah umum yang menimpa masyarakat dalam jumlah yang besar atau dengan kata lain fitnah besar. (6) Keprihatinan para sahabat terhadap hadits-hadits Rasulullah s.a.w. (7) Ketepatan ramalan-ramalan Rasulullah s.a.w. tentang perkara-perkara yang akan berlaku sesudah kewafatan Baginda s.a.w. (8) Keistimewaan Huzaifah terserlah menerusi hadits ini kerana beberapa perkara berikut: (a) Keyakinan beliau terhadap hadits Rasulullah s.a.w. yang dihafalnya. (b) Keberanian beliau untuk bertanya Rasulullah s.a.w. tentang fitnah yang akan berlaku selepas kewafatan Baginda diketahui kebanyakan sahabat, termasuk Saiyyidina ‘Umar. (c) Kepandaian beliau menggunakan bahasa kiasan dan bahasa halus untuk menyatakan sesuatu yang sensitif dan boleh meresahkan seseorang. (9) Kepandaian para sahabat secara umumnya dalam penggunaan bahasa kiasan. (10) Ketenangan Saiyyidina ‘Umar dalam menghadapi fitnah yang akan menimpa dirinya, jelas sekali menggambarkan maqam redhanya dengan taqdir Allah s.w.t. (11) Penggunaan gelaran Amirul Mu’minin untuk Saiyyidina ‘Umar. Penggunaan gelaran-gelaran kebesaran seperti ini diharuskan

٤٩٥ - حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ قَالَ حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ زُرَيْعٍ عَنْ سُلَيْمَانَ التَّمِيمِيِّ عَنْ أَبِي عُمَرَ التَّهْدِي عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ أَنَّ رَجُلًا أَصَابَ مِنْ امْرَأَةٍ قُبْلَةً فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَخْبَرَهُ فَأَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ : وَأَقِمِ الصَّلَاةَ طَرَفِي النَّهَارِ وَزُلْفَا مِنْ اللَّيْلِ إِنَّ الْحَسَنَاتِ يُدْهِنُ السَّيِّئَاتِ - فَقَالَ الرَّجُلُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَلِي هَذَا قَالَ لِجَمِيعِ أُمَّتِي كُلِّهِمْ

495- Qutaibah meriwayatkan kepada kami, katanya: Yazid bin Zurai' meriwayatkan kepada kami daripada Sulaiman (bin Tharkhan Abu al-Mu'tamir) al-Taimi daripada Abi 'Utsman ('Abdur Rahman bin Mill / Mull) an-Nahdi⁸⁸⁶ daripada Ibni Mas'ud: Bahawa sesungguhnya ada seorang lelaki⁸⁸⁷ telah mencium seorang perempuan, lalu dia datang

dalam agama Islam. (12) Para tabi'in sangat menghormati guru-guru mereka dari kalangan sahabat. Rasa hormat yang sangat tinggi itu menimbulkan rasa takut dan gerun di dalam hati mereka. Keadaan itu kadang-kadang menghalang mereka daripada bertanya. (13) Sesetengah murid agak rapat dengan guru. Antara murid Huzaifah yang terkenal rapat dengannya adalah Masruq. Masruqlah selalunya dijadikan perantaraan oleh murid-murid lain untuk bertanya Huzaifah tentang sesuatu masalah. (14) Asas bagi keterangan dan jawapan Huzaifah dalam dialognya dengan Saiyyidina 'Umar di dalam riwayat di atas adalah hadits Rasulullah s.a.w.

⁸⁸⁶ Abu 'Utsman an-Nahdi telah memeluk agama Islam semasa hayat Nabi s.a.w., tetapi tidak sempat menemui Baginda. Beliau sempat menghantarkan zakat dan sedekah kepada Rasulullah s.a.w. Umurnya menjangkau seratus tiga puluh tahun. Meninggal dunia pada tahun 95H.

⁸⁸⁷ Hafiz Ibnu Hajar dan al-'Aini telah mengemukakan enam pendapat berdasarkan beberapa riwayat berhubung dengan lelaki yang terlibat dalam peristiwa yang tersebut di dalam hadits ini. **Pertamanya ialah Abu al-Yasar Ka'ab bin 'Amar as-Sulami al-Badri.** Nama Abu al-Yasar tersebut dengan jelas di dalam riwayat Tirmizi di bawah ini. (1) : حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ أَخْبَرَنَا يَزِيدُ بْنُ هَارُونَ أَخْبَرَنَا قَيْسُ بْنُ الرَّبِيعِ عَنْ عُثْمَانَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَوْهَبٍ عَنْ مُوسَى بْنِ طَلْحَةَ عَنْ أَبِي الْيَسْرِ قَالَ أَتَنَّبِي امْرَأَةً تَتَبَاعُ تَمْرًا فَقُلْتُ إِنَّ فِي النَّبْتِ تَمْرًا أَطْيَبَ مِنْهُ فَدَخَلْتُ مَعِيَ فِي النَّبْتِ فَأَهْوَيْتُ إِلَيْهَا فَتَقَبَّلْتُهَا فَأَتَيْتُ أَبَا بَكْرٍ فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لَهُ قَالَ اسْتُرْ عَلَى نَفْسِكَ وَتُبْ وَلَا تُخْبِرْ أَحَدًا فَلَمْ أَصْبِرْ فَأَتَيْتُ عُمَرَ فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لَهُ فَقَالَ اسْتُرْ عَلَى نَفْسِكَ وَتُبْ وَلَا تُخْبِرْ أَحَدًا فَلَمْ أَصْبِرْ فَأَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لَهُ فَقَالَ أَخْلَعْتُ غَارِيًّا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فِي أَهْلِهِ يَمُوتُ هَذَا حَتَّى تَمُوتَ أَنْتَ لَمْ يَكُنْ أَسْلَمُ إِلَّا بِلَكَ السَّاعَةِ حَتَّى ظَنُّ أَنَّهُ مِنْ أَهْلِ النَّارِ قَالَ وَأَطْرَقَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ طَوِيلًا حَتَّى أَوْحَى اللَّهُ إِلَيْهِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ طَرَفِي النَّهَارِ وَزُلْفَا مِنْ اللَّيْلِ إِلَى قَوْلِهِ يَذْكُرِي لِلذَّاكِرِينَ قَالَ أَبُو الْيَسْرِ فَأَتَيْتُهُ فَقَرَأَهَا عَلَيَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَصْحَابُهُ يَا رَسُولَ اللَّهِ الْهَذَا خَاصَّةٌ أَمْ لِلنَّاسِ عَامَّةٌ قَالَ بَلَى لِلنَّاسِ عَامَّةٌ قَالَ أَبُو عِيْسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ غَرِيبٌ وَقَيْسُ بْنُ الرَّبِيعِ ضَعْفٌ وَكَيْفَ وَغَيْرُهُ وَأَبُو الْيَسْرِ هُوَ كَعْبُ بْنُ عَمْرِو قَالَ وَرَوَى شَرِيكٌ عَنْ عُثْمَانَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بِمَعْنَى هَذَا الْحَدِيثِ مِثْلَ رِوَايَةِ قَيْسِ بْنِ الرَّبِيعِ قَالَ وَفِي الْبَابِ عَنْ أَبِي أُمَامَةَ وَوَاتِلَةَ بْنِ الْأَسَدِ وَأَنَسِ بْنِ مَالِكٍ Bermaksud: Abu al-Yasar menceritakan, katanya: "Pernah seorang perempuan datang kepadaku untuk membeli buah tamar. Saya berkata (kepada perempuan itu): "Sebenarnya di dalam rumah ada lagi buah tamar yang lebih elok daripada yang ini." Perempuan itu pun masuklah ke dalam rumah bersamaku. Terus aku menerpa ke arahnya, lalu menciumnya. Kemudian aku pergi menemui Abu Bakar dan menceritakan kepadanya apa yang telah berlaku. Kata Abu Bakar: "Tutuplah ke'aiban dirimu dan bertaubatlah. Jangan diceritakan kepada sesiapa cerita ini." Aku tidak dapat sabar, lalu aku pergi pula menemui 'Umar. Setelah menceritakan kepadanya tentang apa yang telah berlaku, 'Umar berkata seperti Abu Bakar juga iaitu: "Tutuplah ke'aiban dirimu dan bertaubatlah. Jangan diceritakan kepada sesiapa cerita ini." Aku tetap tidak dapat menahan diriku. Akhirnya aku pergi menemui Rasulullah s.a.w. (sendiri), lalu menceritakan kepada Baginda tentang apa yang telah berlaku. Nabi s.a.w. bersabda: "Beginikah caranya engkau melayani isteri pejuang yang telah keluar untuk berjihad di jalan Allah?" Mendengar tempelak Rasulullah s.a.w. itu, Abu al-Yasar berasa amat kesal sehingga beliau terfikir alangkah baiknya kalau sehingga ke waktu itu beliau belum lagi memeluk agama Islam. Beliau bahkan terfikir dirinya sudah tentu merupakan salah

seorang ahli neraka. Kata Abu al-Yasar: "Rasulullah s.a.w. tunduk lama juga sehinggalah diwahyukan kepada Baginda firman berikut:

وَأَقْبِرَ الصَّلَاةَ طَرَفِي النَّهَارِ وَزُلْفَا مِنْ اللَّيْلِ إِنَّ الْحَسَنَاتِ يُذْهِبْنَ السَّيِّئَاتِ ذَلِكَ ذِكْرَى لِلذَّكَّيرِ ﴿٢٠﴾

Bermaksud: dan dirikanlah sembahyang itu pada kedua tepi siang (pagi dan petang) dan pada bahagian permulaan daripada malam. Sesungguhnya perbuatan-perbuatan yang baik itu menghapuskan (dosa) perbuatan-perbuatan yang buruk. Itulah peringatan bagi orang-orang yang ingat. (Hud:114). Kata Abu al-Yasar, setelah itu saya pergi menemui Rasulullah s.a.w. Baginda s.a.w. pun membacakan ayat itu di hadapanku. Maka para sahabat bertanya Rasulullah s.a.w.: "Wahai Rasulallah, Adakah (ayat ini) khusus untuknya sahaja atau ia untuk semua orang?" Nabi s.a.w. bersabda: "Bahkan untuk semua orang." Selepas mengemukakan hadits ini, Imam Tirmizi menyatakan kedudukannya dengan berkata: "Hadits ini hasan gharib. Qais bin ar-Rabi' telah dikatakan dha'if oleh Waki' dan lain-lain." Antara tokoh Rijaal Hadits yang mengatakan Qais bin ar-Rabi' dha'if ialah Abu Hatim, Yahya bin Sa'id al-Qatthaan, 'Ali ibnu al-Madini, Nasaa'i, Daaraquthni dan lain-lain. Imam Ahmad pernah ditanya tentangnya: "Kenapa mereka ('ulama'-'ulama' hadits) meninggalkan (tidak mahu menerima) hadits-haditsnya?" Jawab Ahmad: "Kerana dia berfahaman Syi'ah, banyak tersalah (dalam meriwayatkan hadits-hadits) dan banyak pula riwayat-riwayatnya yang mungkar." Al-Bazaar, at-Thabaarani, an-Nasaa'i, Ibnu Hibbaan dan lain-lain juga turut meriwayatkan hadits Tirmizi ini dengan beberapa perbezaan pada lafaznya. Di dalam isnad mereka juga terdapat Qais bin ar-Rabi' ini. Hanya al-Bazaar menukarkan namanya dengan Syarik. Kata al-Bazaar: "Kita tidak mengetahui hadits ini diriwayatkan dengan lafaz ini melainkan daripada Abi al-Yasar. Kita tidak mengetahui ada orang lain meriwayatkan daripada Abi al-Yasar selain Musa bin Thalhah. Tidak ada orang yang meriwayatkan daripada Musa pula kecuali 'Utsman bin 'Abdillah bin Mauhab. Syarik dan Qais meriwayatkannya daripada 'Utsman. Kami mengemukakan hadits Syarik kerana beliau lebih baik daripada Qais." Tetapi Syarik juga seorang perawi yang dha'if. Menurut Hafiz Ibnu Hajar dan al-'Aini, hadits inilah yang paling sahih berhubung dengan nama orang yang telah menjadi sebab kepada turunnya ayat 114 Surah Hud. Al-'Aini bahkan menulis: "Menerusi hadits ini Imam Bukhari mengisytarkan bahawa Abu al-Yasarlah yang merupakan sebab nuzul kepada ayat 114 daripada Surah Hud yang tersebut di dalam hadits yang dikemukakannya." Namun bagi penulis, hadits yang dikemukakan Bukhari di atas langsung tidak menyebutkan siapa sebenarnya orang yang terlibat dalam peristiwa yang tersebut di dalamnya. Agak sukar untuk diterima bahawa Imam Bukhari telah menggunakan hadits dha'if yang dikemukakan oleh Tirmizi dan lain-lain itu dalam menentukan siapakah sebenarnya yang merupakan sebab nuzul bagi ayat berkenaan. (2) Di dalam Tafsir Ibnu Mardawaih terdapat satu riwayat daripada Abi Umaamah, bahawa ada seorang lelaki datang kepada Nabi s.a.w. Dia terus berkata, sebanyak satu kali atau dua kali: "Wahai Rasulallah! Laksanakanlah hukuman had (yang ditentukan oleh Allah) ke atas saya. Baginda s.a.w. tidak menghiraukannya. Sesudah sembahyang selesai ditunaikan, Allah menurunkan ayat (114 Surah Hud) tadi. (3) Abu 'Ali at-Thusi di dalam Kitab al-Ahkaam meriwayatkan menerusi saluran riwayat 'Abdur Rahman bin Abi Laila - 'Abdur Rahman bin Abi Laila ini tidak sempat mendengar apa-apa hadits daripada Mu'az - daripada Mu'az r.a. Kata beliau: "Pernah Nabi s.a.w. didatangi seorang lelaki. Ia berkata kepada Baginda s.a.w.: "Wahai Rasulallah! Apa katamu tentang seorang lelaki yang bertemu dengan seorang perempuan. Mereka tidak mengenali satu sama lain. Lalu tidak ada sesuatu yang dilakukan oleh seorang suami terhadap isterinya melainkan dilakukan lelaki itu terhadapnya, kecuali persetubuhan. Setelah turun ayat 114 Surah Hud, Nabi s.a.w. menyuruh orang itu berwudhu dan bersembahyang. Kata Mu'az: Saya pun bertanya Rasulullah s.a.w.: "Wahai Rasulallah! Adakah ia khusus untuknya atau untuk sekalian orang mu'min?" Jawab Baginda: "Untuk sekalian orang mu'min." (4) Muslim pula dengan isnadnya meriwayatkan daripada Ibni Mas'ud, bahawa bahawa ada seorang lelaki datang kepada

nabi s.a.w, lalu dia berkata: "Saya telah mengerjakan (melakukan hubungan seksual dengan) seorang perempuan jauh di penghujung Madinah ini. Segala-segalanya telah saya lakukan terhadapnya kecuali persetubuhan. Ini saya di hadapanmu. Hukumlah saya dengan apa saja hukuman yang engkau mahu." Pada ketika itu berkatalah 'Umar: "Sebenarnya Allah telah pun menutup kesalahanmu itu. Alangkah baiknya kalau engkau tidak mendedahkannya?!" Rasulullah s.a.w. tidak berkata apa-apa. Maka pergilah orang itu. Kemudian Nabi s.a.w. menghantar seseorang untuk memanggilnya. Setelah ia datang kembali, Rasulullah s.a.w. terus membacakan di hadapannya ayat 114 Surah Huud tadi." Maka berkatalah salah seorang yang hadir: "Wahai Rasulullah! Adakah ini khusus untuknya?" Jawab Baginda s.a.w.: "Tidak, bahkan ia untuk sekalian manusia." Hadits (2), (3) dan (4) juga tidak jelas menyebutkan Abu al-Yasarliah orangnya. Riwayat (3) dan (4) bahkan mengemukakan, orang berkenaan telah melakukan segala-segala yang dilakukan seseorang suami terhadap isterinya. Sedangkan riwayat Bukhari di atas hanya mengemukakan kisah seorang lelaki yang telah mencium seorang perempuan semata-mata. Di sinilah letaknya percanggahan besar di antara riwayat Bukhari dan riwayat-riwayat lain yang dikemukakan oleh al-'Aini tadi. **Keduanya ialah 'Amar** bin Ghaziyyah bin 'Amar al-Anshari Abu Habbah at-Tammaar. Riwayat Abu Saleh daripada Ibni 'Abbaas dengan jelas menyebutkan namanya. Kisahnya adalah seperti berikut: "Ada seorang perempuan datang kepada 'Amar bin Ghaziyyah untuk membeli buah tamar. Kata 'Amar: "Di dalam rumah saya ada lagi buah tamar yang lain. Masuklah ke dalam. Setelah perempuan itu masuk ke dalam rumah, dia terus memegangnya dengan kuat dan bertindak dengan kasar terhadapnya. Dilakukannya terhadap perempuan itu segala-segalanya selain persetubuhan. Bila syaitan meninggalkannya, menyesallah dia atas apa yang telah dilakukannya. Seterusnya dia pergi menemui Nabi s.a.w. Maka berceritalah dia kepada Baginda s.a.w. Katanya: "Wahai Rasulullah s.a.w.! Saya telah memegang seorang perempuan dan melakukan terhadapnya segala apa yang dilakukan oleh seorang suami terhadap isterinya. Cuma saya tidak melakukan persetubuhan sahaja." Kata Nabi s.a.w.: "Aku tidak tahu." Baginda s.a.w. tidak menjawab apa-apa. Kemudian masuklah waktu sembahyang. Setelah selesai mereka bersembahyang, turunklah ayat 114 Surah Huud. Riwayat Abu Saleh daripada Ibni 'Abbaas ini dikemukakan oleh Ibnu Mandah menerusi saluran al-Kalbi daripada Abi Saleh. Al-Kalbi adalah seorang perawi yang terkenal dha'if. Dia bahkan terkenal sebagai pendusta, pereka hadits dan perawi hadits-hadits maudhu'. **Ketiganya ialah Mu'attib**. Beliau adalah seorang lelaki Anshar. Demikianlah sebut Ibnu Abi Khaitamah di dalam Tarikhnya sebagai hadits Ibrahim an-Nakha'i. Kata Ibrahim an-Nakha'i: "Penah seorang lelaki Anshar yang dikenali dengan Mu'attib datang kepada Nabi s.a.w. Riwayat ini mursal dan tidak boleh dijadikan hujah. **Keempatnya ialah Abu Muqbil** 'Aamir bin Qais al-Anshaari. Muqatil (bin Sulaiman) menyebutkan namanya di dalam Nawaadir at-Tafsir. Katanya: "Dialah orang yang menyebabkan turunnya ayat 114 dari surah Huud (واقم الصلاة). Waki' dan an-Nasaa'i mengatakan Muqatil pendusta besar dan pereka hadits. Al-Jauzajaani pula mengatakan dia seorang dajjal. **Kelimaanya ialah Nabhaan** at-Tammaar. Kisah Nabhaan sebagai sebab turun ayat 114 Surah Huud dikemukakan oleh 'Abdul Ghani bin Sa'id ats-Tsaqafi di dalam Tafsirnya dengan panjang lebar. Dia mengambilnya daripada Musa bin 'Abdir Rahman daripada Ibni Juraij daripada 'Athaa' daripada Ibni 'Abbaas. Menurut Hafiz Ibnu Hajar, 'Abdul Ghani dan Musa adalah dua orang perawi punah dan tidak boleh dipakai. Ats-Ts'alabi dan lain-lain juga turut meriwayatkannya menerusi saluran riwayat Muqaatil daripada Dhahhaak daripada Ibni 'Abbaas. Sebagaimana telah disebutkan sebelum ini, Muqatil adalah pendusta besar dan pereka hadits. Dhahhaak pula tidak mendengar apa-apa daripada Ibnu 'Abbaas. Tetapi Ats-Ts'alabi menda'wa ayat yang turun dengan sebab (peristiwa) Nabhaan hanyalah ayat 135 dari Surah Aali 'Imraan, iaitu:

kepada Nabi s.a.w. dan memberitahu baginda (tentang apa yang telah dilakukannya). Maka Allah Azza Wa Jalla menurunkan ayat:

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ طَرَفَيِ النَّهَارِ وَزُلْفًا مِّنَ اللَّيْلِ إِنَّ الْحَسَنَاتِ يُذْهِبْنَ أَلْسِفَاتِ

Bermaksud: “Dirikanlah sembahyang pada dua bahagian siang (pagi dan petang),⁸⁸⁸ dan pada waktu-waktu yang berhampiran dengannya dari waktu malam.⁸⁸⁹ Sesungguhnya amal-amal kebajikan (terutamanya sembahyang itu) menghapuskan kejahatan.”⁸⁹⁰ Orang

وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَجْشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَن يَغْفِرِ الذُّنُوبَ إِلَّا اللَّهُ وَلَمْ يُصِرُّوا عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَهُمْ يَعْلَمُونَ



Bermaksud: “dan (juga) orang-orang yang apabila mengerjakan perbuatan keji atau Menganiaya diri sendiri, mereka ingat akan Allah, lalu memohon ampun terhadap dosa-dosa mereka dan siapa lagi yang dapat mengampuni dosa selain daripada Allah? dan mereka tidak meneruskan perbuatan kejinya itu, sedang mereka mengetahui.” **Keenamnya adalah ‘Abbaad.** Qurthubi ada menyebutkan nama ini di dalam Tafsirnya. Tetapi tanpa sandaran berupa riwayat yang kukuh. Demikianlah enam nama yang dikemukakan oleh al-‘Aini dan Hafiz Ibnu Hajar sebagai orang yang dida’wa merupakan sebab kepada turunnya ayat 114 Surah Huud bersama-sama dengan sedikit komentar daripada penulis. Memanglah tidak mustahil perkara seperti itu telah berlaku kepada sahabat. Malah beberapa riwayat yang sahih ada menyebutkan tentangnya dengan latar belakang cerita yang berbeda-beda. Riwayat-riwayat itu jelas menunjukkan bahawa peristiwa seumpamanya telah berlaku beberapa kali kepada beberapa orang sahabat. Bagaimanapun riwayat-riwayat sahih itu hanya menyebutnya secara umum sebagai seorang lelaki tanpa menyebutkan nama secara terang. Riwayat-riwayat itulah sepatutnya diguna pakai oleh kita, memandangkan disiplin para ‘ulama’ hadits yang mu’tabar di sepanjang masa dalam perkara-perkara seperti ini ialah mengemukakannya secara samar dan umum sahaja. Alasan mereka ialah ia menyentuh soal maruah dan peribadi para sahabat. Untuk mendapat pengajaran dan panduan daripadanya cukuplah dengan mengemukakan cerita-cerita seperti itu secara umum sahaja tanpa perlu mencari-cari nama-nama mereka, kemudian didedahkan kepada masyarakat seolah-olahnya ia suatu fakta yang tidak boleh dipertikaikan lagi.

⁸⁸⁸ Menurut ats-Tsa’labi طرفي النهار iaitu “pada kedua tepi siang” itu bererti pagi dan petang. Kata Ibnu ‘Abbaas, maksudnya ialah sembahyang Subuh dan sembahyang Maghrib. Hasan Bashri, Qataadah dan Dhahhaak berkata, sembahyang Subuh dan ‘Ashar. Mujahid dan Muhammad bin Ka’ab al-Quradzi pula berkata, sembahyang Subuh dan sembahyang petang iaitu Zohor dan ‘Ashar.

⁸⁸⁹ وَزُلْفًا مِنَ اللَّيْلِ pula bererti beberapa ketika di awal waktu malam. Demikian kata Ibnu Sidah, pengarang Kitab al-Muhkam. Sembahyang yang didirikan pada waktu itu pula ialah sembahyang Maghrib dan ‘Isyaa’. Demikianlah kata Hasan Bashri, Mujaahid, Muhammad bin Ka’ab al-Quradzi, Qataadah dan Dhahhaak.

⁸⁹⁰ Ayat ini membentangkan di hadapan anda beberapa perkara berikut: (1) Ia mengisyratkan sekurang-kurangnya kepada tiga waktu sembahyang iaitu Fajar (Subuh), Maghrib dan Isyaa’. Sesetengah ‘ulama’ berpendapat, ia mengisyaatkan kepada empat waktu sembahyang iaitu Subuh, ‘Ashar, Maghrib dan Isyaa’. Sesetengah yang lain pula mengatakan, ia bahkan mengisyratkan kepada sembahyang lima waktu. Termasuk dalam firman Allah: طرفي النهار iaitu “pada kedua tepi siang (pagi dan petang)” itu sembahyang Subuh, Zohor dan ‘Ashar. Dan termasuk dalam firman Allah وَزُلْفًا مِنَ اللَّيْلِ iaitu “dan pada bahagian permulaan daripada (waktu) malam” pula sembahyang

berkenaan lantas bertanya: “Wahai Rasulallah! Adakah (keistimewaan) ini hanya untukku?” Baginda menjawab: “Untuk semua sekali ummatku.”⁸⁹¹

Maghrib dan 'Isyaa'. (2) Ia menunjukkan bahawa amalan-amalan kebajikan itu dapat menghapuskan dosa-dosa seseorang. (3) الحسنات atau amalan kebajikan yang dimaksudkan oleh Allah di dalam ayat ini ialah sembahyang fardhu lima waktu. Inilah pendapat Ibnu Mas'ud, Ibnu 'Abbaas, Hasan Bashri, Qataadah, Sa'id bin Musaiyyab dan lain-lain. Kata al-Qurthubi, tidak ada seorang pun ahli tafsir khilaf tentang sembahyang yang diperintahkan Allah supaya didirikan di dalam ayat ini ialah sembahyang fardhu lima waktu. (4) Perkataan السيئات yang digunakan oleh Allah di sini bererti dosa-dosa kecil. Dosa-dosa kecil itulah yang terhapus dengan amalan-amalan kebajikan seperti sembahyang, wudhu', sedekah, istighfar, zikir dan lain-lain. Serentak dengan itu secara tidak langsung ia mengisyaratkan juga kepada adanya dosa-dosa besar. (5) Sesetengah 'ulama' berpendapat, amalan-amalan kebajikan itu hanya menghapuskan dosa-dosa kecil jika dosa-dosa besar tetap dilakukan seseorang. Dalam keadaan dosa-dosa besar dihindari pula ia boleh menghapuskan juga dosa-dosa besar yang telah berlalu. Bagaimanapun kebanyakan 'ulama' berpendapat, sembahyang dan amalan-amalan kebajikan lain hanya dapat menghapuskan dosa-dosa kecil sahaja, dengan syarat dosa-dosa besar dijauhi. Adapun dosa-dosa besar, ia hanya dapat dihapuskan oleh taubat yang bersungguh-sungguh dengan hati yang ikhlas. Antara dalil dan pegangan mereka dalam masalah ini ialah dua firman Allah berikut:

(1)

إِنْ تَجْتَنِبُوا كَبَائِرَ مَا تُنْهَوْنَ عَنْهُ نَكْفِرْ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَنُدْخِلْكُمْ مُدْخَلًا كَرِيمًا ﴿٣١﴾

Bermaksud: jika kamu menjauhi dosa-dosa besar yang dilarang kamu melakukannya, Kami akan ampunkan kesalahan-kesalahan (dosa kecil) kamu, dan Kami akan masukkan kamu ke tempat yang mulia (syurga). (an-Nisaa':31).

(2)

الَّذِينَ يَحْتَسِبُونَ كَثِيرَ الْإِثْمِ وَالْفَوَاحِشَ إِلَّا اللَّعَمَ إِنَّ رَبَّكَ وَاسِعُ الْمَغْفِرَةِ هُوَ أَعْلَمُ بِكُمْ إِذْ أَنْشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَإِذْ أَنْتُمْ أَجْنَةٌ فِي بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ فَلَا تُرْكُوا أَنْفُسَكُمْ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنِ اتَّقَى ﴿٣٢﴾

Bermaksud: (Iaitu) orang-orang yang menjauhi dosa-dosa besar serta perbuatan-perbuatan yang keji, kecuali salah silap yang kecil-kecil (yang mereka terlanjur melakukannya, maka itu dimaafkan). Sesungguhnya Tuhanmu Maha Luas keampunanNya. Dia lebih mengetahui akan keadaan kamu semenjak ia mencipta kamu (berasal) dari tanah, dan ketika kamu masih janin dalam perut ibumu; Maka janganlah kamu mengatakan dirimu suci. Dialah sahaja yang lebih mengetahui tentang orang-orang yang bertaqwa. (an-Najm:32).

⁸⁹¹ Imam Bukhari mengulang sebut hadits ini dengan sedikit sahaja perbezaan pada lafaznya di dalam Kitab at-Tafsir di bawah باب قوله وأقم الصلاة طرفي النهار وزلفاً من الليل إن الحسنات يذهبن السيئات ذلك ذكرى للذاكرين. Kalau di sini beliau meriwayatkannya daripada Qutaibah, maka di sana daripada Musaddad. Perawi-perawi lain selain mereka berdua sama semuanya. Selain Bukhari hadits ini diriwayatkan juga oleh Muslim, Tirmizi, Nasaa'i, Ibnu Majah, Ibnu Hibbaan, Ibnu Khuzaimah dan lain-lain. **Antara pengajaran, pedoman dan panduan** yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Kelebihan sembahyang fardhu lima waktu. Ia adalah antara amalan yang dapat menghapuskan dosa-dosa seseorang. (2) Para sahabat itu tidak ma'shum. Mereka mungkin melakukan dosa-dosa kecil atau besar. (3) Para sahabat kalau melakukan sesuatu dosa, akan segera bertaubat dan bersedia menerima apa saja hukuman kerananya. (4) Rasulullah s.a.w. tidak membuat keputusan mengenai sesuatu perkara sesuka hatinya. Beliau s.a.w. sentiasa mendapat bimbingan daripada Allah. Sering kali sesuatu kejadian yang berlaku disusuli dengan turunnya ayat al-Qur'an. (5) Secara umum sembahyang lima waktu itu terbukti kefardhuannya

بَابُ فَضْلِ الصَّلَاةِ لَوَقْتِهَا

87- Bab Kelebihan Bersembahyang Pada Waktunya.⁸⁹²

berpandukan ayat 114 Surah Huud yang tersebut di dalam hadits di atas. (6) Kerana sifat Maha Pengampun dan Maha Menerima taubatlah Allah menetapkan dosa-dosa yang dilakukan manusia itu dapat dihapuskan oleh amalan-amalan kebajikan yang dilakukannya. (7) Seseorang tidak akan dikenakan hukuman had kerana dosa-dosa kecil yang dilakukannya, seperti mencium perempuan bukan mahram, meraba atau memegangnya dan lain-lain. Perbuatan seperti itu termasuk dalam lamam (kesilapan-kesilapan kecil yang seseorang terlanjur melakukannya) yang boleh dihapuskan oleh amalan-amalan kebajikan yang menyusulinya, dengan syarat dosa-dosa besar dihindari. Ibnu al-Munzir malah menyimpulkan daripada ayat 114 Surah Huud dan hadits di atas bahawa orang yang didapati berada dalam satu kain dengan perempuan asing juga tidak dikenakan hukuman had. (8) Hukuman ta'zir juga tidak diperlukan untuk kesalahan-kesalahan seperti itu, terutamanya kepada orang yang telah bertaubat dan menyesali perbuatannya. (9) Konsep dosa besar dan dosa kecil itu berpunca daripada al-Qur'an dan as-Sunnah juga. Istilah *الكبائر* digunakan untuk dosa-dosa besar dan istilah *السَّيِّئَات* atau *الخطايا* pula digunakan untuk dosa-dosa kecil. (10) Sembahyang fardhu lima waktu itu sendiri sudah dikira sebagai taubat seseorang daripada dosa-dosa kecilnya. (11) Pintu taubat masih sentiasa terbuka. Taubat seseorang tetap diterima sekiranya ia dilakukan dengan hati yang ikhlas. (12) Kebanyakan hukum Islam ditujukan kepada umat secara keseluruhannya.

⁸⁹² Pada zahirnya tajuk bab yang dibuat Bukhari ini berlainan daripada hadits yang dikemukakan beliau di bawahnya. Di dalam hadits di bawahnya apabila 'Abdullah bin Mas'ud bertanya: "Apakah amalan yang paling disukai Allah?" Nabi s.a.w. menjawab: *الصَّلَاةُ عَلَى وَقْتِهَا* (bersembahyang dengan betul-betul menjaga waktunya). Sering kali dalam membuat sesuatu tajuk bab, Bukhari menjaga sangat lafaz hadits di bawahnya. Kenapa pula di sini beliau mengelak daripada lafaz hadits yang asal? Kenapa beliau menukar *عَلَى* dengan *لَ*? Atau ada sesuatu rahsia di sebaliknya? Al-Kirmaani dan al-'Aini berpendapat, haraf jarr yang sepatutnya digunakan di sini ialah *فِي*, kerana majrurnya (*وَقْتُهَا*) adalah zaraf bagi *الصَّلَاةِ* (sembahyang) yang tersebut sebelumnya. Berhubung dengan kenapa Bukhari tidak menggunakan perkataan *فِي* menurut yang sepatutnya atau perkataan *عَلَى* sebagaimana yang tersebut di dalam hadits di bawahnya, al-'Aini menjawab dengan mengatakan bahawa: (1) Menurut tokoh-tokoh ilmu Nahu Kufah, huruf-huruf jarr itu harus ditukar ganti sesamanya. Haraf *عَلَى* dan *لَ* sering kali dipakai dengan ma'na *فِي*. Haraf *فِي* juga sering dipakai dengan ma'na *عَلَى* atau *لَ*. Antara contoh penggunaan *لَ* di tempat yang asalnya digunakan *فِي* ialah dua firman Allah ini:

وَنَضَعُ الْمَوَازِينَ الْقِسْطَ لِيَوْمِ الْقِيَمَةِ فَلَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَإِنْ كَانَ مِثْقَالُ حَبٍّ مِنْ خَرْدَلٍ أَتَيْنَا بِهَا وَكَفَى بِنَا حَنِيسًا ﴿١٧﴾

Bermaksud: Kami akan memasang timbangan yang tepat pada hari kiamat, maka tidak ada diri sesiapa akan teraniaya barang sedikitpun; dan jika (amalan itu) hanya seberat biji sawipun pasti Kami akan mendatangkannya (untuk ditimbang dan dihitungkan); dan cukuplah Kami sebagai Penghitung. (al-Ambiyaa':47). *لَ* pada perkataan *لِيَوْمِ* di dalam ayat ini telah dipakai dengan ma'na *فِي*.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوَجًا ﴿١﴾

Bermaksud: Segala puji bagi Allah yang telah menurunkan kepada hambaNya (Muhammad) Al-Kitab (Al-Quran) dan Dia tidak memasukkan kebengkokan (ajaran yang terpesong dan melencong daripada kebenaran) di dalamnya. (al-Kahfi:1). *لَ* pada *لَهُ* di dalam ayat ini juga telah dipakai dengan ma'na *فِي*. Orang-orang 'Arab dalam muhawarah (simpulan bahasa) mereka selalu menggunakan *مَضَى لِسَبِيلِهِ* (Ia telah mati, meninggal dunia, lenyap, pupus atau berlalu) dengan *لَ*

pada *مَضَى فِي* dipakai mereka dengan ma'na *في*. Keadaannya sama juga dengan kata mereka *مَضَى فِي* juga sering kali digunakan dengan ma'na *على*. Kalau begitu tidak salahlah kalau Bukhari mengatakan *بَابُ فَضْلِ الصَّلَاةِ لَوَقْتِهَا*, kerana ia sama juga dengan apa yang tersebut di dalam hadits. Seolah-olahnya tajuk bab Bukhari itu begini adanya: *بَابُ فَضْلِ الصَّلَاةِ عَلَى وَقْتِهَا*. Antara contoh penggunaan *ل* dengan ma'na *على* ialah dua firman Allah ini:

وَيُخْرُونَ لِلْأَذْقَانِ يَبْكُونَ وَيَزِيدُهُمْ خُشُوعًا ﴿١٠٩﴾

Bermaksud: dan mereka menyungkur atas muka mereka sambil menangis dan mereka bertambah khusyu'. (al-Israa':109). *ل* pada *لِلْأَذْقَانِ* di dalam ayat ini telah dipakai dengan ma'na *على* (atas).

فَلَمَّا أَتَمَّ اللَّهُ لِلْحَبِيبِ ﴿١٠٣﴾

Bermaksud: Tatkala keduanya telah berserah diri dan Ibrahim membaringkan anaknya atas pelipis(nya), (nyatalah kesabaran keduanya). (as-Shaaffaat:103). *ل* pada *لِلْحَبِيبِ* di dalam ayat ini juga telah dipakai dengan ma'na *على* (atas). (2) *ل* yang dipakai Bukhari di dalam tajuk bab itu dipanggil *لام التأكيد والتاريخ*, iaitu *ل* yang menunjukkan bermulanya waktu atau tarikh sesuatu. *ل* dengan ma'na ini telah digunakan oleh Allah di dalam al-Qur'an. Lihatlah sebagai contohnya firman Allah di bawah ini:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا طَلَّقْتُمُ النِّسَاءَ فَطَلِّقُوهُنَّ لِعَدَّتِهِنَّ وَأَحْصُوا الْعِدَّةَ وَاتَّقُوا اللَّهَ رَبَّكُمْ

Bermaksud: Wahai Nabi! apabila kamu - (engkau dan umatmu) - hendak menceraikan isteri-isteri (kamu), maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan idahnya, dan hitunglah masa idah itu (dengan betul), serta bertaqwalah kepada Allah, Tuhan kamu...(at-Thalaaq:1). Maksud firman Allah: *(فَطَلِّقُوهُنَّ لِعَدَّتِهِنَّ)* أي وقتها وهو الطهر "maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan idahnya" ialah pada masa mereka suci daripada haidh dan belum disetubuhi. Menurut al-Qasthallaani, *ل* yang terletak sebelum perkataan yang menunjukkan masa, sering kali dipakai sebagai *لام التأكيد والتاريخ*. Orang yang menganggap perkataan *عِدَّة* di dalam firman Allah dipakai dengan erti haidh pula menggantungkan *ل* sebelumnya dengan sesuatu yang mahzuf seperti perkataan *مُسْتَقْبَلَات* (dalam keadaan mereka sudah mula menghadapi masa haidh yang akan dikira sebagai `iddah mereka) misalnya. Jadi Taqdir kalam Allah itu di sisi mereka ialah *(فَطَلِّقُوهُنَّ لِعَدَّتِهِنَّ)* أي حال كونهن مُسْتَقْبَلَاتٍ لِعَدَّتِهِنَّ وهي الحيض. Maksud Bukhari dengan tajuk bab yang dibuatnya ini ialah Bab Kelebihan Bersembahyang Selepas Mula Masuk Waktunya. Oleh kerana perkataan *على* yang mengandungi ma'na *isti'laa'* itu boleh mewahamkan (menimbulkan kekeliruan tentang) kelebihan bersembahyang sebelum masuk waktu sembahyang, Imam Bukhari menukarnya dengan perkataan *ل* untuk menghilangkan kekeliruan yang mungkin timbul itu. (3) Memang ada hadits pun yang telah menggunakan perkataan *ل* sebelum perkataan *وقتها*. Menerusi tajuk bab ini Imam Bukhari sebenarnya mahu mengisytarkan kepada hadits itu. Maksud beliau ialah kedua-duanya betul. Kedua-duanya adalah berlandaskan hadits yang sahih. Imam Bukhari sendiri telah meriwayatkannya di dalam kitab Sahihnya ini di bawah *بَابُ وَاسْمِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الصَّلَاةَ عَمَلًا وَقَالَ لَا حَدَّثَنِي سُلَيْمَانُ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ الْوَلِيدِ ح وَحَدَّثَنِي عَبْدُ بْنُ يَعْقُوبَ . Berikut adalah haditsnya: عَنْ أَبِي عَمْرِو الشَّيْبَانِيِّ عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ الْأَسَدِيَّ أَخْبَرَنَا عَبْدُ بْنُ الْعَوَّامِ عَنْ الشَّيْبَانِيِّ عَنْ الْوَلِيدِ بْنِ الْعِزَّارِ عَنْ أَبِي عَمْرِو الشَّيْبَانِيِّ عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ الْأَعْمَالِ أَفْضَلُ قَالَ الصَّلَاةُ لَوَقْتِهَا وَبَرُّ الْوَالِدَيْنِ ثُمَّ الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ*. Hadits ini selain Bukhari, diriwayatkan juga oleh Muslim, Ahmad, Abu Daud, Nasaa'i dan Ibnu Hibbaan. Demikianlah keterangan al-'Aini dengan sedikit pengubahsuaian oleh penulis. Bagi Syeikh Zakariya, tajuk bab seperti ini dipanggil *ترجمة شارحة* iaitu tajuk bab yang dibuat dengan maksud menjelaskan sesuatu yang tersebut di dalam hadits di bawahnya. Perkataan *على* yang mengandungi ma'na *isti'laa'* itu memang boleh mewahamkan (menimbulkan kekeliruan tentang) kelebihan bersembahyang sebelum masuk waktu sembahyang. Itulah sebabnya Imam Bukhari menukarnya dengan perkataan *ل*. Bagi penulis sama ada perkataan *على* atau *ل*, kedua-duanya memang telah terbukti adanya di dalam sekian banyak hadits-hadits yang sahih. Kedua-duanya telah digunakan oleh Rasulullah s.a.w. dengan maksud menarik perhatian umatnya supaya bersembahyang dengan

٤٩٦ - حَدَّثَنَا أَبُو الْوَلِيدِ هِشَامُ بْنُ عَبْدِ الْمَلِكِ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ الْوَلِيدُ بْنُ الْعِزَّارِ أَخْبَرَنِي قَالَ سَمِعْتُ أَبَا عَمْرٍو الشَّيْبَانِيَّ يَقُولُ حَدَّثَنَا صَاحِبُ هَذِهِ الدَّارِ وَأَشَارَ إِلَى دَارِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ سَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ الْعَمَلِ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ قَالَ الصَّلَاةُ عَلَى وَفَّيْهَا قَالَ ثُمَّ أَيُّ قَالَ ثُمَّ بَرُّ الْوَالِدَيْنِ قَالَ ثُمَّ أَيُّ قَالَ الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنِي يَحْيَى بْنُ وَلَوْ اسْتَرْزَدْتُهُ لَزَادَنِي

496- Abu al-Walid Hisyam bin 'Abdul Malik (at-Thayaalisi al-Bashri) meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'bah (bin al-Hajjaaj) meriwayatkan kepada kami, katanya: al-Walid bin al-'Aizaar (bin Huraits al-Kufi) meriwayatkan kepadaku, katanya: Saya telah mendengar Aba 'Amar asy-Syaibaani (Sa'id bin Iyaas) berkata: Tuan rumah ini telah meriwayatkan kepada kami - sambil dia mengisyaratkan ke rumah Abdullah (bin Mas'ud) - Kata 'Abdullah (bin Mas'ud): "Pernah saya bertanya Nabi s.a.w.: "Apakah amalan yang paling disukai oleh Allah?"⁸⁹³ Baginda menjawab: "Bersembahyang pada waktunya (dengan betul-betul menjaga waktunya)." Tanya 'Abdullah seterusnya: "Kemudian apa pula?" Baginda menjawab: "Berbuat baik kepada kedua ibu bapa." 'Abdullah bertanya lagi: "Kemudian apa pula?" Baginda menjawab: "Berjihad di jalan

menjaga waktu mustahab dan waktu afdhalnya. Paling tidak pun dengan menjaga waktu harus atau waktu tunainya. Anjuran Rasulullah s.a.w. itu sesuai benar dengan firman Allah ini:

حَافِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوُسْطَىٰ وَقُومُوا لِلَّهِ قَنِينَ ﴿٢٣٨﴾

Bermaksud: Jagalah betul-betul (waktu) semua sembahyang(mu), dan (waktu) sembahyang wusthaa (khususnya); dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan khususy. (al-Baqarah:238). Itulah maksud tajuk bab di atas menurut pandangan penulis. والله أعلم بالصواب.

⁸⁹³ Berdasarkan riwayat Malik bin Mighwal daripada al-Walid bin al-'Aizaar yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah فَضْلُ الْجِهَادِ وَالسَّيْرِ nanti, di tempat أَحَب (paling disukai) ini tersebut perkataan أَفْضَل (paling afdhal atau utama). Untuk lebih jelas, saya kemukakan riwayat itu di sini: حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنُ صَبَّاحٍ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ سَابِقٍ حَدَّثَنَا مَالِكُ بْنُ مَعْوَلٍ قَالَ سَمِعْتُ الْوَلِيدَ بْنَ الْعِزَّارِ ذَكَرَ عَنْ أَبِي عَمْرٍو الشَّيْبَانِيَّ قَالَ قَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلْتٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ قَالَ الصَّلَاةُ عَلَى مِيقَاتِهَا فَلْتٌ ثُمَّ أَيُّ قَالَ ثُمَّ بَرُّ الْوَالِدَيْنِ فَلْتٌ ثُمَّ أَيُّ قَالَ الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَسَكَتَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلَوْ اسْتَرْزَدْتُهُ لَزَادَنِي. Hafiz Ibnu Hajar bahkan mengatakan, kebanyakan perawi meriwayatkan lafaz أَفْضَل di sini. Kalau Ibnu Mas'ud sememangnya bertanya dengan menggunakan lafaz أَفْضَل, maka lafaz أَحَب di dalam riwayat bab ini merupakan malzumnya. Maksudnya ialah anda semestinya menerima apa yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w. secara tertib melalui jawapan Baginda s.a.w. terhadap soalan Ibnu Mas'ud sebagai amalan yang paling disukai Allah (malzum), apabila anda menerimanya sebagai yang paling afdhal atau yang paling utama (lazim). Demikian juga sebaliknya, anda semestinya menerima apa yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w. secara tertib melalui jawapan Baginda s.a.w. terhadap soalan Ibnu Mas'ud itu sebagai amalan yang paling afdhal atau utama (malzum), apabila anda menerimanya sebagai amalan yang paling disukai Allah (lazim). Ringkasnya, menurut Hafiz Ibnu Hajar, nisbah atau hubungan di antara kedua-dua lafaz yang tersebut di dalam dua riwayat itu adalah nisbah lazim dan malzum.

Allah.”⁸⁹⁴ Kata ‘Abdullah: Nabi s.a.w. menjawab semua pertanyaan saya itu. Sekiranya saya terus bertanya, niscaya dia akan terus menjawab lagi.⁸⁹⁵

⁸⁹⁴ Jawapan Rasulullah s.a.w. kepada Ibnu Mas‘ud ini sekali pandang kelihatan bercanggah dengan jawapan-jawapan lain yang diberikan oleh Baginda kepada soalan yang sama. Soalan seperti ini sebenarnya pernah diajukan oleh beberapa orang sahabat lain selain Ibnu Mas‘ud. Di bawah ini dikemukakan beberapa hadits yang mengandungi soalan yang betul-betul sama dengan soalan Ibnu Mas‘ud di atas atau lebih kurang sama dengannya, tetapi jawapan yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w. pula berbeza-beza: (1) عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ (2) عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ (3) عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ (4) عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ (5) عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ Bermaksud: Abu Hurairah meriwayatkan, katanya: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. pernah ditanya (seseorang): “Apakah amalan yang paling afdhal / utama?” Jawab Rasulullah s.a.w.: “Percaya kepada Allah dan rasulNya.” Baginda ditanya lagi: “Kemudian apa?” Jawab Baginda lagi: “Berjihad di jalan Allah.” Rasulullah s.a.w. terus ditanya: “Kemudian apa?” Jawab Baginda s.a.w. seterusnya: “Haji yang mabrur (yang diterima Allah).” (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Tirmizi, Nasaa’i dan lain-lain). (2) عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ (3) عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ (4) عَنْ أَبِي هURَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ (5) عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ Bermaksud: ‘Aaisyah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah ditanya: “Apakah amalan yang paling disukai Allah?” Jawab Baginda s.a.w.: “Yang sentiasa dikerjakan walaupun sedikit.” (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad dan Abu Ya‘la). (3) عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ (4) عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ (5) عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ Bermaksud: Abu Umaamah meriwayatkan bahawa beliau pernah bertanya Rasulullah s.a.w.: “Apakah amalan yang paling afdhal?” Jawab Baginda s.a.w.: “Berpuasalah, kerana sesungguhnya tiada amalan setanding dengannya.” (Hadits riwayat an-Nasaa’i). (4) عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ (5) عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ Bermaksud: ‘Abdullah bin ‘Amar r.a. meriwayatkan bahawa pernah seorang lelaki bertanya Nabi s.a.w.: “Apakah (ajaran / amalan) Islam yang paling baik?” Jawab Nabi s.a.w.: “Engkau memberi makan (kepada yang memerlukan) dan memberi salam kepada orang yang engkau kenali dan tidak engkau kenali. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Abu Daud, Nasaa’i, Ibnu Hibbaan, Ibnu Majah dan Baihaqi di dalam Syu‘ab al-Imaan). (5) عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ (6) عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ Bermaksud: Abu Musa al-Asy‘ari meriwayatkan, katanya: Para sahabat bertanya: “Wahai Rasulullah, apakah (perangai orang) Islam yang paling utama?” Jawab Baginda: “(Perangai) Orang (Islam) yang mana orang-orang Islam lain selamat daripada (gangguan) lidah dan tangannya.” (Hadits riwayat Bukhari, Muslim dan Abu Daud at-Thayaalisi di dalam Musnadnya). Para ‘ulama’ telah mengemukakan beberapa sebab berhubung dengan kenapakah jawapan yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w. terhadap soalan yang sama itu berbeza-beza. Jika ia diletak di hadapan, niscaya akan hilanglah pertentangan dan percanggahan akibat daripada pandangan sepintas lalu itu. Antaranya ialah: (1) Keperluan orang-orang yang bertanya itu berbeza-beza. Orang yang bertanya itu misalnya mempunyai ibu bapa yang perlu diuruskan kehidupannya, maka amalan yang paling utama dilakukannya ialah berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Kalau dia seorang yang jahil, maka belajarliah amalan yang paling afdhal untuk dirinya. (2) Kecenderungan, minat atau kebolehan dan kelayakan orang-orang yang bertanya berbeza-beza. Kepada seorang yang berani dan gagah perkasa, berjihadlah amalan yang paling baik dilakukannya. Kepada yang kaya raya pula, memberi makan kepada orang-orang yang memerlukan atau menyumbang harta benda di jalan Allahlah yang paling utama dibuatnya. (3) Masa atau tempat dikemukakan soalan tidak sama. Ketika perang atau negara diancam musuh, jihadlah amalan terbaik. Dalam masyarakat yang miskin dan susah pula, bersedekah adalah amalan yang paling afdhal. (4) Soalan difahami Nabi s.a.w. sebagai berkaitan dengan bahagian amalan yang tertentu, seperti yang berkaitan dengan